

NO. SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH JAWAPAN : 26 JULAI 2017

SOALAN

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah
pinjaman keseluruhan terkini yang dipohon kepada Perbadanan Aset Air
Berhad oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai pengambilalihan
ekuiti SPLASH dan sebarang persetujuan oleh Kerajaan Persekutuan
dengan permohonan pembiayaan 100%.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan masih belum menerima apa-apa permohonan rasmi daripada Kerajaan Negeri Selangor mengenai jumlah pinjaman bagi membiayai pengambilalihan ekuiti Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH). Ingin dimaklumkan juga bahawa proses pengambilalihan SPLASH masih dalam peringkat rundingan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan pihak syarikat. Mengikut Perjanjian Utama yang ditandatangani pada 12 September 2014, proses pengambilalihan SPLASH sepatutnya dimuktamadkan pada 7 Oktober 2016. Pelanjutan kali pertama telah dibuat bagi tempoh 6 bulan iaitu sehingga 6 April 2017 dengan persetujuan pihak-pihak kepada Perjanjian. Walau bagaimanapun, memandangkan proses rundingan pengambilalihan SPLASH tidak dapat dimuktamadkan pada tarikh tersebut, pelanjutan kali kedua telah dipersetujui untuk tempoh 6 bulan lagi, iaitu sehingga 5 Oktober 2017 atau tempoh yang lebih awal sebagaimana dipersetujui oleh pihak-pihak kepada Perjanjian.

Sekian, terima kasih
